



KENYATAAN AKHBAR

PENGARAH KESIHATAN, JABATAN KESIHATAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN

MAKLUMAT TULAR MELALUI MEDIA SOSIAL BERKAITAN KEMATIAN PELAJAR SEKOLAH SEMASA MENYERTAI ACARA SUKAN TAHUNAN SEKOLAH DI WP LABUAN

1. Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan (JKWPL) ingin merujuk kepada isu tular di media sosial berkaitan kematian seorang pelajar sekolah SMK Ranza Ranza di Wilayah Persekutuan Labuan yang meninggal dunia ketika hari sukan sekolah yang dikatakan disebabkan oleh strok haba.
2. JKWPL mengesahkan kejadian satu (1) kes kematian pelajar sekolah pada 17 Februari 2019 sewaktu sukan tahunan sekolah di Wilayah Persekutuan Labuan dan ingin memaklumkan bahawa **kematian tersebut bukan berpunca daripada gejala strok haba** seperti yang diviralkan di media sosial. Pihak JKWPL ingin mengucapkan takziah kepada keluarga pelajar tersebut.
3. Kejadian tersebut berlaku pada pukul 8.40 pagi, 17 Februari 2019 yang lalu di Kompleks Sukan Kolej Matrikulasi Labuan semasa pelajar tersebut menyertai acara olahraga 200 meter perempuan di mana beliau telah rebah

secara tiba-tiba. Bantuan kecemasan telah diberikan oleh petugas perubatan daripada Angkatan Pertahanan Awam (APAM) WP Labuan dan seterusnya pelajar tersebut telah dikejarkan ke Unit Kecemasan dan Trauma Hospital Labuan dan tiba pada pukul 9.20 pagi. Keadaan pelajar tersebut semasa ketibaan adalah kritikal dan pemeriksaan mendapati suhu badan beliau adalah 37.0°C (suhu normal badan manusia). Bantuan kecemasan dan resusitasi diberikan namun beliau tidak menunjukkan sebarang tindakbalas dan disahkan meninggal dunia pada 9.45 pagi pada hari yang sama. Pemeriksaan bedah siasat telah dijalankan dan masih menunggu keputusan.

4. Pemantauan suhu persekitaran oleh Jabatan Meteorologi Malaysia mendapati suhu persekitaran di Wilayah Persekutuan Labuan pada masa kejadian hanya sekitar di antara 26°C hingga 30°C manakala dari 1 hingga 17 Februari 2019, suhu yang dilaporkan adalah di antara 24°C hingga 31°C. Julat suhu persekitaran ini adalah pada paras normal iaitu di bawah 35°C yang mana tidak menyebabkan kejadian gelombang haba.
5. **Sehubungan itu, Jabatan ini ingin menegaskan bahawa kejadian kes kematian ini adalah bukan disebabkan oleh strok haba seperti ditularkan di media sosial.** Orang ramai diminta tidak lagi menularkan maklumat yang tidak tepat ini bagi mengelakkan berlaku kekeliruan.

Sekian, terima kasih.

DR. ISMUNI BIN BOHARI

Pengarah Kesihatan

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan

5 Mac 2019